



HAJAH ARSIAH

PLUMS anjur Siri Taklimat Terbuka bermula hari ini

UB 16.4.16 A6

KOTA KINABALU: Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS), akan mengadakan beberapa siri taklimat terbuka bermula di sini hari ini (16 April) bertempat di Dewan Kuliah Pusat 10 dan 11, Universiti Malaysia Sabah.

Pengarahnya, Prof. Dr. Hajah Arsiah Hj. Bahron berkata, taklimat antara lain bertujuan memberi penerangan mengenai program ditawarkan PLUMS, iaitu Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana (Kerja Kursus) selaras dengan sesi kemasukan September 2016/2017 yang kini sedang dibuka.

“Selain taklimat di Kota Kinabalu, siri taklimat juga akan diteruskan ke Pusat Pembelajaran PLUMS Tawau pada 30 April, UMS Kampüs Antarabangsa Labuan (7 Mei) serta Kampüs UMS Sandakan (14 Mei),” katanya.

Beliau berkata PLUMS amat berbesar hati menjemput semua yang berminat ke taklimat khas ini untuk mendapatkan penerangan lebih lanjut berkaitan program yang ingin dipohon.

Menurut Dr. Arsiah, antara maklumat yang akan disampaikan adalah sinopsis program, syarat kemasukan, cara-cara pendaftaran serta maklumat bantuan kewangan.

“Selain menyasarkan golongan bekerja, program PLUMS juga terbuka kepada pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan lepasan Diploma yang ingin menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda secara luar kampus pada setiap hujung minggu.”

“PLUMS sebagai sebuah pusat yang menawarkan program pendidikan sepanjang hayat juga membuka peluang kepada lepasan universiti untuk mengikuti program Ijazah Sarjana (Kerja Kursus) dimana kuliah akan dijalankan pada sebelah malam dan hujung minggu,” katanya.